

'Diserbu' murid sekolah ketika makan nasi kandar

PETALING JAYA - Sekumpulan murid sekolah berpeluang bergambar serta beramah mesra dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika pemimpin negara itu sedang makan tengah hari di Nasi Kandar Melayu, Medan Selera Presint 9, Putrajaya semalam.

Momen tersebut turut dikongsikan Perdana Menteri menerusi video di InstaStory beliau semalam.

Murid-murid sekolah tersebut kelihatan teruja apabila berada dekat dengan Anwar sambil tersenyum kegembiraan.

"Luang waktu bertemu rakyat ketika makan tengah hari di Medan Selera Presint 9 hari ini usai mesyuarat Kabinet. Terlipur hati layan telatah anak-anak di sini.

"Saya kemudian menunaikan solat Jumaat di Surau Al-Husna. Alhamdulillah," katanya.

Sementara itu, orang ramai yang berada di sekitar medan selera tersebut juga mengambil peluang untuk bergambar dan berswafoto bersama Anwar.



ANWAR beramah mesra dengan murid-murid sekolah di Medan Selera Presint 9, Putrajaya semalam.